MQT NO: 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025

PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT)

DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]

TARIKH : 26 OGOS 2025 (SELASA)

SOALAN

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai bagi projek Industri Perladangan Kayu Balak (*Industrial Timber Plantation*, ITP):-

a. berapakah jumlah keluasan hutan simpanan yang terlibat dalam *deforestation* (penebangan hutan) di seluruh negara; dan
b. apakah impak ITP terhadap alam sekitar dan ekosistem persekitaran yang terlibat.

MQT NO: 1

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Industrial Timber Plantation* (ITP) adalah sebuah program penanaman pokok spesis balak pada skala besar untuk membekalkan sumber kayu sebagai bahan mentah kepada industri perkayuan negara.

2. Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) sedang merangka mekanisma pelaksanaan dan rangka kerja (Framework) ITP. Antara intipati rangka kerja ITP adalah:

   i. Penyediaan garis panduan yang komprehensif untuk pihak berkepentingan (cth. penanam, pembekal, pengilang, komuniti tempatan, agensi kerajaan, dll.) dalam merancang dan melaksanakan projek ITP;

   ii. Strategi untuk menangani kekurangan bekalan bahan mentah kayu dan penambahan bekalan bahan mentah kayu;

   iii. Komitmen serta penglibatan sektor swasta dan komuniti tempatan;

   iv. Sokongan kawal selia dalam mendapatkan pembiayaan, tanah, pengetahuan teknikal dan penuaian; dan

   v. Pengurusan ladang hutan antara kerajaan persekutuan dan Kerajaan negeri.

3. Penubuhan ladang hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan dalam memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan. Penubuhan ladang hutan bukan sahaja sebagai satu usaha untuk mendapatkan bekalan kayu secara berterusan, malah untuk menggantikan kawasan miskin dan terosot kepada kawasan yang lebih produktif dengan penanaman pokok-pokok dari spesies tempatan atau eksotik yang mempunyai kadar tumbesaran yang cepat dan bermutu tinggi.

4. Penubuhan ladang hutan dalam HSK bukanlah merupakan aktiviti penyahutanan (*Deforestation)* kerana aktiviti ini tidak melibatkan

penukaran kawasan berhutan secara kekal kepada guna tanah bukan hutan. Sehingga kini, keluasan ladang hutan dalam kawasan HSK di Semenanjung Malaysia sehingga 30 Jun 2025 adalah 259,654.85 hektar yang mana seluas 175,331.75 hektar telah dilaksanakan penanaman semula.

5. Baru-baru ini, di bawah Peraturan Penyahutanan Kesatuan Eropah (*European Union Deforestation Regulation*, EUDR), pihak *European Commission* (EC) telah mengklasifikasikan Malaysia sebagai negara berisiko standard (Standard Risk) melalui sistem *country benchmarking*. Penentuan ini dibuat berdasarkan dua mekanisme, iaitu kadar purata maksimum penyahutanan sebanyak 70,000 hektar setahun serta kadar purata peratusan penyahutanan yang perlu berada pada aras 0.2 peratus. Ianya dikira bagi tempoh 2015 hingga 2020 berdasarkan laporan *Global Forest Resources Assessment* 2020 (FRA 2020) yang dikeluarkan oleh oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa Bangsa Bersatu (*Food and Agricultural Organization of the United Nations* - FAO).

6. Sehingga tahun 2022, Malaysia mempunyai kawasan berhutan secara keseluruhannya seluas 17.97 juta hektar atau 54.31 peratus daripada keluasan tanah negara. Daripada jumlah tersebut, keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) adalah 10.7 juta hektar atau 32.33 peratus daripada keluasan tanah negara.

7. Perladangan pokok perindustrian, terutamanya yang dimaksudkan untuk kayu, kertas, biofuel atau produk komersial lain, boleh mempunyai kesan yang positif terhadap alam sekitar. Antaranya adalah:

    i. **Penyerapan Karbon**: Pokok menyerap karbon dioksida (CO2) dari atmosfera dan menyimpan karbon, yang boleh membantu mengurangkan perubahan iklim dengan mengurangkan jumlah CO2 di udara;

    ii. **Kawalan Hakisan:** Ladang pokok berskala besar boleh menstabilkan tanah, mengurangkan risiko tanah runtuh, dan mencegah hakisan tanah, terutamanya di kawasan yang terdedah kepada hujan lebat atau penebangan hutan; dan

iii. **Sokongan Biodiversiti:** Jika diuruskan secara bertanggungjawab, ladang boleh membantu menjana semula tanah yang rosak dan menyediakan habitat untuk spesies tertentu, terutamanya jika spesies asli ditanam.

Sekian, terima kasih.